

Kaji semula projek Sungai Segget

Irda diminta atasi masalah, elak kejadian banjir kilat kali ketiga yang berlaku kelmarin berulang

JOHOR BAHRU - Susulan kejadian banjir kilat yang melanda bandaraya Johor Bahru dua kali berturut-turut dalam tempoh dua minggu dan terkini berlaku kelmarin menimbulkan kekesalan dan persoalan pelbagai pihak.

Ahli Parlimen Pulai, Datuk Nur Jazlan Mohamed mahu Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (Irda) mengkaji semula perancangan serta pengurusan projek Sungai Segget yang didakwa lemah sehingga menyebabkan banjir kilat sedangkan tidak berlaku fenomena air pasang di Selat Tebrau.

"Lebih menghairankan walaupun lima pam air dipasang selepas kejadian banjir kilat dua minggu lalu, banjir terus berlaku.

"Ia menunjukkan ada sesuatu tidak kena dengan projek Sungai Segget berkenaan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Nur Jazlan berkata, sebelum projek berkenaan dilaksanakan, kejadian banjir kilat tidak kerap berlaku di



Keadaan banjir kilat kali ketiga yang berlaku kelmarin. Foto: Ihsan pembaca

pusat bandaraya tetapi kini sebaliknya, dan ia menyusahkan penduduk.

Katanya, Irda sebagai pihak berkuasa bertanggungjawab terhadap pembangunan Iskandar Malaysia terutama di pusat bandaraya perlu serius menjaga nama baik Iskandar Malaysia dan negara.

Beliau berkata, Irda perlu mengatasi segera masalah itu

sebelum lebih banyak kerugian ditanggung penduduk di bandaraya tersebut.

Sementara itu, Irda dalam satu kenyataan memaklumkan pihaknya telah mengambil langkah berjaga-jaga bagi membendung kejadian banjir kilat di bandaraya ini.

"Pemasangan pam sedutan dan sistem amaran telah berjaya mengelakkan kerosakan harta

awam dan swasta dalam kejadian banjir kilat, kelmarin.

"Pam sedutan telah diaktifkan apabila air pasang bermula pada 9.49 pagi, walaupun bagaimanapun disebabkan hujan lebat berpanjangan yang bermula pada kira-kira jam 10.55 pagi, aliran air itu naik kepada kira-kira setengah meter sekitar kawasan yang terjejas di hadapan Komtar JBCC pada

Johor Bahru dilanda banjir kilat

Jalan utama ditutup, kira-kira 20 kenderaan terperangkap dalam banjir setinggi 1.5 meter

JOHOR BAHRU - Hujan lebat yang berterusan dari jam 12 tengahari, semalam, telah menyebabkan banjir kilat melanda kawasan bandaraya Johor Bahru. Hujan lebat yang berlaku itu turut menyebabkan banjir kilat melanda kawasan bandaraya Johor Bahru. Hujan lebat yang berlaku itu turut menyebabkan banjir kilat melanda kawasan bandaraya Johor Bahru.



Laporan Sinar Harian melaporkan banjir kilat melanda Johor Bahru pada 16 November lalu.

kira-kira jam 12.25 tengahari.

"Keadaan itu bagaimanapun dapat diatasi kurang daripada 30 minit hasil tindakan pantas yang diambil selain menutup Jalan Wong Ah Fook bagi semua kenderaan kira-kira 12.20 tengahari sebagai satu lagi langkah keselamatan mengelakkan sebarang kerosakan kepada kenderaan," katanya.

Irda sekali lagi menegaskan kejadian banjir kilat tersebut adalah disebabkan oleh gabungan dua faktor iaitu air pasang mengalir ke pusat dan aliran air hujan lebat akibat hu-

jan yang berpanjangan.

"Irda menegaskan bahawa banjir tidak disebabkan oleh kerja-kerja pemulihan Sungai Segget kendalian pihak berkuasa itu," katanya.

Projek pemulihan tersebut dijangka siap Jun 2016 bertujuan meningkatkan kualiti air dan udara selain menghidupkan Jalan Wong Ah Fook sebagai destinasi pelancongan.

Kejadian banjir kilat itu merupakan kali ketiga berlaku di lokasi yang sama di mana sebelum ini pada 31 Julai dan 16 November lalu.